

23/04/2001

Pasaran perlu naik untuk cetus minat membeli

Fred Tam

INDEKS penanda aras Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit (IK) tidak melantun seperti yang dijangkakan minggu lalu. Sebaliknya ia meneruskan fasa pengukuhannya untuk mengakhiri dagangan pada paras 575.69, susut 5.7 mata atau 0.96 peratus.

Bagaimanapun saham 'tech' yang disebut dalam ruangan ini minggu lalu bertukar aktif menjelang hujung minggu yang baru berakhir, didorong oleh lonjakan 11 peratus di bursa teknologi New York, Nasdaq.

Prestasi positif Nasdaq dan juga Dow Jones Rabu minggu lalu dirangsang oleh langkah mengejut penurunan kadar faedah AS. Namun bursa tempatan hanya menunggu memberi reaksi pada Jumaat dengan lonjakan IK sebanyak 5.66 mata. Jumlah dagangan hari berkenaan sebanyak 215 juta saham adalah paling tinggi sejak 26 Januari. Perkembangan itu memberi harapan pasaran mungkin aktif semula selepas pelabur menyepi selama tiga bulan.

Apakah kenaikan Jumaat itu didorong perkembangan di New York atau ia berkait dengan pengumuman Menteri Kewangan, Tun Daim Zanuuddin sedang mengambil cuti dua bulan?

Ada sesetengah pelabur berpendapat bahawa pengumuman cuti Daim itu mematikan sebarang lonjakan yang sepatutnya berlaku pada Khamis. Seorang peniaga institusi berkata, pengumuman itu yang mendorong spekulasi bahawa Daim mungkin meletakkan jawatan mencetuskan penjualan pada Khamis. Namun apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Daim hanya bercuti, pasaran mula berasa lega dan mula membeli pada Jumaat. Bagaimanapun, teori berkenaan nampak agak bercanggah.

Satu lagi teori menyatakan pelabur membeli saham spekulatif yang mungkin mendapat manfaat jika Daim meletakkan jawatan. Antaranya ialah saham seperti kumpulan Malayan United Industries (MUI) yang dikatakan mempunyai kaitan dengan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh yang selalu disebut-sebut jika jawatan menteri kewangan dikosongkan. Kaunter lain ialah kumpulan AMMB dan RHB.

Teori manakah yang betul? Kedua-duanya. Perkembangan minggu lalu membayangkan bahawa ada pelabur membeli saham berikutan spekulasi Daim akan berhenti dan tidak kurang juga yang membeli berikutan jaminan bahawa Daim hanya bercuti.

Ini bermakna apa saja berita sekarang ialah berita baik untuk pasaran.

Persoalannya sekarang apakah lonjakan Jumaat lalu dapat dikekalkan? Lonjakan itu dapat dikekalkan hanya jika munculnya kembali minat belian yang konsisten.

Jika tidak ia hanyalah satu lagi 'dead-cat-bounce'.

Arah aliran Dow Jones dan Nasdaq akan mempunyai pengaruh terhadap pergerakan IK. Penurunan kadar faedah AS Rabu lalu memberi kesan positif kepada bursa tempatan. Namun timbul tanda tanya sama ada langkah Rizab Persekutuan AS itu agak terlalu lambat.

Ketika ini perbelanjaan pengguna di AS sedang menurun, banyak pemberhentian pekerja sedang berlaku dan keyakinan pasaran agak malap.

Jika muncul sebarang berita negatif di Wall Street, ia mungkin memberi kesan kepada Dow Jones.

Secara teknikalnya, carta harian BSKL menunjukkan isyarat yang kukuh dengan kebanyakannya mencetuskan isyarat membeli. Namun hanya segelintir saja yang menunjukkan isyarat membeli pada asas mingguan.

Minggu ini pasaran perlu naik lebih tinggi untuk mencetuskan isyarat beli mingguan yang lebih stabil pada jangka panjang. Perkara itu akan

berlaku jika IK mengatasi paras 582.70, indeks Emas mencecah 138.79 dan indeks papan kedua (SBI) melebihi 102.43.

Jika ia berlakupun, ia dilihat sebagai lantunan Arus 4 - sama seperti lantunan Dow Jones.

Berikutan itu, rali yang mungkin menyusul akan menghadapi halangan pada paras 596-611-626. Dengan itu jangan terlalu bulis. Sebarang lantunan masih ditakrifkan sebagai lantunan teknikal.

(END)